



Untuk Terbitan Media

9 Mei 2024

SIARAN MEDIA

MANGSA INSIDEN POKOK TUMBANG LAYAK TERIMA FAEDAH PERKESO

PUTRAJAYA – Pemandu e-hailing yang terlibat dalam insiden pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur semalam layak menerima Faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata pemandu berusia 26 tahun itu adalah pencarum PERKESO bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan layak membuat tuntutan faedah PERKESO.

“Abdul Hayyi Al Hakimi Nazli cedera pada bahagian kepala, dada, lengan dan mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

“Pemuda yang baru mendirikan rumah tangga ini layak mendapat Faedah Hilang Upaya Sementara menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), iaitu cuti sakit dengan kadar RM41.33 sehari.

“Malah, Abdul Hayyi layak memohon faedah rawatan perubatan dan rawatan rehabilitasi, selain tuntutan Faedah Hilang Upaya Kekal sekiranya mengalami hilang upaya kekal,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan Ziarah Prihatin ke kediaman ibu saudara Abdul Hayyi, sambil menyampaikan sumbangan wakalah dan kotak prihatin PERKESO, semalam.

Turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Dr. Zaliha Mustafa; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr. Kamaruzzaman Mat Salleh; Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Mengulas lanjut, Steven Sim menzahirkan penghargaan kepada platform penyedia perkhidmatan, Grab Malaysia dan Kementerian Pengangkutan (MOT) atas inisiatif padanan caruman SKSPS menerusi Belanjawan 2024, sekali gus melayakkan pencarum dalam kalangan penggiat sektor gig dilindungi PERKESO.

Katanya, sinergi daripada kerjasama Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Grab, PERKESO dan MOT menyaksikan pemandu e-hailing yang sentiasa bersabung nyawa mencari nafkah untuk keluarga mendapat perlindungan keselamatan sosial tepat pada masanya.

“Saya juga berhasrat menyantuni waris keluarga Allahyarham Md Rizal Atan, seorang korban mangsa insiden pokok tumbang ini dalam tempoh terdekat.

“Sememangnya jaringan keselamatan sosial ini amat penting, termasuk individu bekerja sendiri kerana malang tidak berbau dan perlindungan ini sekurang-kurangnya berupaya memberi sokongan kewangan kepada pencarum atau waris sekiranya ditimpa bencana,” katanya.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

9 Mei 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my